



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

**(STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP))
BAGI MASJID-MASJID, SURAU DAN BALAI IBADAT SELURUH NEGARA
SEMASA FASA AWAL ENDEMIK DAN
PEMBUKAAN SESI PERSEKOLAHAN TAHUN 2022 BAGI SEKOLAH-SEKOLAH
UGAMA, ARAB DAN INSTITUT TAHFIZ**

Berakas, Hari Isnin, 08 Jamadilawal 1443H bersamaan 13 Disember 2021M –

Bahagian I: (SOP) Bagi Masjid-Masjid, Surau Dan Balai Ibadat

1. Dalam Persidangan Akhbar Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada 06 Rabi'ulakhir 1443H bersamaan 11 November 2021M yang lalu Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengumumkan bahawa sesuai dengan keputusan Majlis Ugama Islam Brunei yang telah diperkenankan, maka semua masjid, surau dan balai ibadat di negara ini akan dibuka semula pada hari Jumaat, 13 Rabiulakhir 1443H bersamaan 19 November 2021M bermula dengan sembahyang Fardhu Subuh, Sembahyang Fardhu Jumaat dan sembahyang-sebahyang berikutnya dalam Fasa Peralihan. Turut dijelaskan di Sidang Media berikut adalah (Standard Operating Procedure (SOP) dalam tempoh Fasa Peralihan tersebut.
2. Oleh yang demikian, bagi Fasa Awal Endemik (Early Endemic Phase) yang akan dilaksanakan selama satu bulan, bermula hari Rabu, 15 Disember 2021 sehingga hari Jumaa'at, 14 Januari 2022, Kementerian Hal Ehwal Ugama sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan sokongan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) mengenai (Standard Operating Procedure (SOP) Bagi Masjid-Masjid, Surau Dan Balai Ibadat Seluruh Negara semasa dalam Fasa Awal Endemik (early Endemic Phase) yang telah bersidang dalam mesyuaratnya kali ke-lapan (VIII) (Khas) Tahun 1443H/2021M pada hari Khamis, 20hb. Rabiulakhir 1443 bersamaan 25hb. November 2021.
3. Butiran (Standard Operating Procedure (SOP) tersebut adalah seperti berikut:

FASA AWAL ENDEMIK

Fasa ini akan dilaksanakan bermula hari Rabu, 15 Disember 2021.

PEMBUKAAN	1	Masjid dibuka untuk menunaikan sembahyang Fardhu lima waktu dan sembahyang Fardhu Jumaat.
HAD UMUR	2	Jemaah dan orang ramai yang berumur 12 tahun ke atas sama ada yang lengkap 2 dos vaksin atau belum lengkap 2 dos vaksin atau belum mengambil vaksin dibenarkan untuk bersembahyang fardhu Jumaat dan sembahyang fardhu lima waktu serta mengikuti aktiviti takmir di masjid, surau dan balai ibadat seluruh Negara.
	2	Walau bagaimanapun, bagi yang belum lengkap 2 dos vaksin atau belum mengambil vaksin dikehendaki untuk membuat pemeriksaan <i>Antigen Rapid Test (ART)</i> dan mendapat keputusan Negatif. <i>Validity</i> (tempoh sah) Pengambilan <i>Antigen Rapid Test (ART)</i> adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19
JANTINA	3	Hanya Jemaah lelaki sahaja yang dibenarkan untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat. Manakala sembahyang fardhu lima waktu dibenarkan untuk jemaah lelaki dan perempuan.
TEMPAHAN	4	Bagi Sembahyang Fardhu Jumaat, jemaah tidak lagi dikehendaki untuk membuat tempahan menggunakan aplikasi ' <i>Bruhealth</i> '. Walau bagaimanapun jemaah masih dikehendaki mengimbas kod QR dan hanya mereka yang mempunyai kod <i>Bruhealth</i> berwarna hijau atau kuning sahaja dibenarkan masuk.
RISIKO	5	Jemaah yang mempunyai simptom seperti batuk, hidung tersumbat, selsema, demam panas, cirit birit dan kesukaran bernafas, lelah, sakit dada, sakit otot, sakit tekak dan muntah tidak dibenarkan hadir ke masjid, surau dan balai ibadat
KAPASITI	6	Kapasiti masjid bagi sembahyang fardhu Jumaat adalah tertakluk kepada keluasan ruang dalam dan luar masjid setelah dilakukan penjarakan 1 kaki antara tikar sembahyang berukuran besar.
SAJADAH	7	Jemaah dikehendaki membawa tikar sembahyang sendiri (berukuran besar) bagi setiap kali menunaikan sembahyang.
KEMUDAHAN	8	Jemaah digalakkan berwudhu sebelum ke masjid bagi mengelakkan kepadatan di ruang/bilik tempat wudhu.

SUNGKUP MUKA	9	Jemaah dimestikan untuk memakai <i>face mask</i> (sungkup muka) pada setiap masa.
SUHU BADAN	10	Jemaah dikehendaki membuat pemeriksaan suhu badan.
HAND SANITIZER	11	Jemaah digalakkan menggunakan <i>hand sanitizer</i> sebelum memasuki masjid, surau dan balai ibadat.
AKTIVITI MASJID	12	Masjid-masjid dibenarkan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti takmir harian dan mingguan seperti: <ul style="list-style-type: none"> • Kuliah Maghrib / Subuh • Tadarus Al Quran • Bacaan Ratib Al Attas • Membaca Yaasin dan Tahlil Arwah • Membaca Surah-Surah Pilihan Kelas-kelas pengajian seperti kelas muslimah hanya dibenarkan dengan kapisiti 50% ruang/bilik/dewan yang digunakan. Kelas Al Quran dan Muqaddam kanak-kanak pada setiap pagi Jumaat belum dibenarkan.
BERSALAMAN	13	Tidak bersalaman sesama jemaah yang hadir
KAWALAN	14	Bantuan pasukan beruniform/ ahli jawatankuasa takmir masjid dan pasukan sukarelawan dan belia masjid untuk mengawal di pintu-pintu masjid bagi Sembahyang Fardhu Jumaat. Manakala bagi sembahyang Fardhu lima waktu bantuan diperlukan dari petugas masjid, ajk takmir masjid, muslimah

Bahagian II: SOP Bagi Pembukaan Sesi Persekolahan Tahun 2022

4. Berhubung sesi persekolahan yang telah ditetapkan akan bermula pada hari Isnin, 03 Januari 2022 yang turut melibatkan sekolah-sekolah ugama, Arab dan Institut Tahfiz di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwah Ugama. Pelaksanaan pembukaan sesi persekolahan tersebut akan dilaksanakan secara bertahap.



5. Keterangan lanjut adalah seperti berikut:

i. **Tahap Pertama bermula 03 Januari 2022:**

- Dalam Tahap Pertama ini, semua pelajar persekolahan ugama bermula Darjah Pra hingga Darjah 06 akan masih mengikuti pembelajaran secara dalam talian sepenuhnya atau melalui kaedah ‘Home Learning Pack’ (HLP) bagi pelajar yang memerlukan;
- Manakala bagi persekolahan Arab dan Institut Tahfiz akan mengikuti pembelajaran secara bersemuka empat (04) kali seminggu dan sekali secara dalam talian bagi pelajar-pelajar Sanah 10, 11, Pra U1 dan Pra U2. Manakala pelajar-pelajar Sanah 05 hingga Sanah 09 akan mengikuti pembelajaran secara dalam talian atau melalui kaedah ‘Home Learning Pack’ (HLP) bagi pelajar yang memerlukan.

ii. **Tahap Kedua dijangka bermula 17 Januari 2022:**

- Tahap Kedua ini hanya akan dilaksanakan jika pemantauan menunjukkan tiada peningkatan penularan kes jangkitan wabak yang serius dalam kalangan pelajar-pelajar, tenaga pengajar dan kakitangan sekolah semasa mereka berada di dalam premis sekolah serta berpandukan nasihat daripada Jawatankuasa Pandu COVID-19.
- Pada Tahap Kedua ini, pelajar-pelajar sekolah ugama Darjah 5 dan 6 sahaja adalah dibenarkan untuk hadir ke sekolah untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka. Manakala pelajar-pelajar Darjah Pra hingga Darjah 4 pula masih meneruskan pembelajaran mereka secara dalam talian atau melalui kaedah ‘Home Learning Pack’ (HLP) bagi pelajar yang memerlukan;
- Adapun bagi persekolahan Arab dan Institut Tahfiz dalam Tahap Kedua ini, Pelajar-pelajar yang dibenarkan untuk hadir ke sekolah dan mengikuti pembelajaran secara bersemuka adalah pelajar-pelajar Sanah 7 hingga 11, termasuk pelajar-pelajar Pra U1 dan Pra U2. Sepertimana yang disebutkan tadi, pembelajaran secara bersemuka ini akan dilaksanakan selama 04 kali dalam seminggu dan sekali, pelajar-pelajar akan mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Manakala pelajar-pelajar Sanah 05 dan Sanah 06 akan mengikuti pembelajaran secara dalam talian atau melalui kaedah ‘Home Learning Pack’ (HLP) bagi pelajar yang memerlukan.



6. Semasa Pelaksanaan pembukaan sekolah ini, pelajar-pelajar yang telah menerima vaksin lengkap akan dikehendaki menjalani ujian ART sekali setiap 02 minggu dan pelajar-pelajar yang tidak bervaksin pula akan dikehendaki untuk membuat ujian ART sekali setiap minggu.
7. Disamping itu, pelaksanaan SOP-SOP yang berkaitan akan dibuat di sekolah-sekolah mengikut garis pandu-garis pandu yang telah ditetapkan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan semua pelajar dan guru-guru adalah terjamin serta proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur.
8. Sebagai perkongsian maklumat, jumlah keseluruhan guru-guru dibawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada masa ini adalah seramai 3520 orang dan jumlah yang telah menerima suntikan vaksin adalah seperti berikut:
 - ✓ Lengkap 2 dos : 3489 orang (99.12%)
 - ✓ Baru 1 dos : 26 orang (0.74%)
 - ✓ Belum bervaksin: 05 orang (0.14%)
 - ✓ Sekurang-kurang 1 dos vaksin: 3515 orang (99.86%)
9. Kementerian ini sukacita mengajak semua pihak untuk menanggapi bahawa Peralihan ke Fasa Endemik dengan cara yang berhati-hati adalah satu keputusan yang bijak di samping merupakan satu iltizam bagi Kerajaan dan rakyat keseluruhannya demi kelangsungan kehidupan dengan sejahtera bagi kita semua di negara ini. Oleh itu, kita perlulah terus waspada terhadap bahaya wabak COVID-19 yang masih ada , kerana itu kita perlu mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan termasuk SOP kesihatan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.
10. Akhirnya marilah kita bersyukur dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala mudahan-mudahan kita semua dapat melalui norma baru ini dengan rasa ikhlas dan penuh sabar untuk mencapai redha Allah jua.,

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: KHEU/BPA/PR371/Disember2021
Tarikh: 08 Jamadilawal 1443H bersamaan 13 Disember 2021M

